



**INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA**  
*Malaysian Institute for Research in Youth Development*

**Laporan**

**Kajian Aspirasi Keusahawanan Belia Terhadap Memupuk  
Budaya Keusahawanan Ke Arah Menuju Pencapaian  
Wawasan 2020**

**Penyelidik:**

**Encik Bukryman Sabri  
Profesor Dr. Nurizan Yahaya  
Encik Samir Muhazzab Mohd Amin  
Puan Naimah Mohd Salleh  
Dr. Mansor Abu Talib  
Dr. Adlina Abd Halim  
Dr. Roselee Shah Shaharudin  
Dr. Afida Mastura Muhammad Arif  
Encik Mohd Salleh Bacho  
Encik Mohamed Azrul Syam Mohamed Yusof  
Cik Hemalatha Mahenthiran**



## PENGHARGAAN

*Sidang pengarang* Laporan Kajian “Aspirasi Keusahawanan Belia Terhadap Memupuk Budaya Keusahawanan Ke Arah Menuju Pencapaian Wawasan 2020” ingin mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Belia dan Sukan khususnya Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) dan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) di atas dana penyelidikan, dorongan padu dan kerjasama yang amat menggalakkan di sepanjang usaha menjalankan kajian dan menyempurnakan laporan ini. Ianya telah memberi fokus dan semangat berterusan kepada kami bagi menjayakan usaha murni ini.

Kami ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua penyelidik dan pembantu penyelidik yang telah bersama-sama dari awal hingga akhir kajian ini. Tuan dan puan telah memberi erti kepada pengisian laporan serta hasil kajian yang telah diberikan akan memberi manfaat kepada belia khususnya dan rakyat Malaysia umumnya. Kami juga amat berterima kasih kepada pihak pengurusan institut dan semua responden iaitu pelajar-pelajar di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Giat MARA di seluruh Semenanjung Malaysia yang terlibat dalam kajian ini yang sudi ditemu bual secara mendalam dan berkongsi maklumat mereka untuk menjadi intipati penulisan laporan ini. Selamat maju jaya kami ucapkan. Ucapan terima kasih juga kepada kementerian-kementerian berkaitan iaitu Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi di atas kelulusan menjalankan kajian di institusi-institusi berkenaan.

Akhir kata, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menjayakan laporan ini. Semua budi baik dan kerjasama yang telah diberikan dapat memberi makna kepada semua pihak.

**Sidang Pengarang**

**1 Julai 2008**

## KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	i
<b>KANDUNGAN</b>	ii
<b>SENARAI JADUAL</b>	vi
<b>SENARAI RAJAH</b>	vii
<b>SENARAI GAMBAR</b>	viii
<b>ABSTRAK</b>	ix
<b><i>ABSTRACT</i></b>	x
<b>BAB 1    PENGENALAN</b>	
1.0    Pendahuluan	1
1.1    Latar Belakang Kajian	2
1.2    Siapakah Usahawan?	3
1.3    Evolusi Keusahawanan	5
1.4    Pengaruh Aliran Pengajian Terhadap Kecenderungan Keusahawanan	7
1.5    Pemupukan Cita-Cita dan Minat Terhadap Kerjaya Keusahawanan	7
1.6    Aspek Kerjaya Keusahawanan di Institusi Pengajian Tinggi	8
1.7    Faktor-Faktor Pemilihan Kerjaya	9
1.8    Kenyataan Masalah	10
1.9    Objektif Kajian	13
1.9.1    Objektif Umum	13
1.9.2    Objektif Khusus	13
1.10    Kepentingan Kajian	14
1.11    Batasan Kajian	15
1.12    Definisi Operasi	15
1.12.1    Aspirasi	15
1.12.2    Kerjaya	16
1.12.3    Usahawan	16

1.12.4	Keusahawanan	17
1.12.5	Sikap	17
1.12.6	Minat	18
1.12.7	Amalan	18
<b>BAB 2</b>	<b>TINJAUAN LITERATUR</b>	
2.0	Pendahuluan	19
2.1	Konsep Keusahawanan	20
2.2	Kepentingan Keusahawanan	23
2.3	Nilai-Nilai Keusahawanan Dalam Masyarakat	24
2.4	Konsep Kerjaya	27
2.5	Pemilihan Kerjaya Keusahawanan	28
2.6	Proses Pembentukan Usahawan	30
2.7	Pendidikan Keusahawanan	33
2.8	Model Pendidikan Keusahawanan	34
2.9	Konsep Pendidikan Keusahawanan Baru	37
2.10	Matlamat Pendidikan Keusahawanan	37
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.0	Pendahuluan	40
3.1	Kaedah Persampelan	40
3.1.1	Sampel Kajian	40
3.1.2	Pengumpulan Data	41
3.1.3	Instrumen Kajian	41
3.2	Penganalisan Data	42
3.2.1	Analisis Deskriptif	42
3.2.2	Ujian-t	42
3.2.3	Ujian ANOVA	43
3.2.4	Ujian Korelasi Pearson	43

## **BAB 4 HASIL KAJIAN**

4.0	Pendahuluan	44
4.1	Demografi Responden	45
4.1.1	Latar Belakang Sosio Ekonomi Responden	45
4.1.2	Latar Belakang Akademik Responden	47
4.2	Latar Belakang Ibumama/ Penjaga Responden	49
4.3	Amalan Terhadap Kerjaya Keusahawanan	51
4.3.1	Kategori Terhadap Amalan Keusahawanan	56
4.4	Minat Terhadap Kerjaya Keusahawanan	57
4.4.1	Kategori Minat Terhadap Kerjaya Keusahawanan	59
4.5	Sikap Terhadap Kerjaya Keusahawanan	60
4.5.1	Kategori Sikap Terhadap Kerjaya Keusahawanan	63
4.6	Faktor-Faktor Penolakan Kerjaya Keusahawanan	63
4.7	Faktor-Faktor Pemilihan Kerjaya Sebagai Usahawan	68
4.8	Psikoanalisis Inventori Minat Kerjaya	72
4.8.1	Pengenalan	72
4.8.2	Profil Personaliti Responden	74
4.8.3	Profil Personaliti Responden Mengikut Institusi	76
4.8.4	Perbezaan Personaliti Kerjaya Mengikut Institusi	77
4.8.5	Perkaitan Personaliti Kerjaya Dengan Amalan, Minat dan Sikap Terhadap Keusahawanan	78
4.9	Aspirasi Kerjaya Keusahawanan	79

## **BAB 5 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI**

5.0	Pendahuluan	80
5.1	Kesimpulan	80
5.2	Implikasi	83
5.2.1	Implikasi Kepada Kerajaan Institut Kemahiran Belia	83
5.2.2	Implikasi Kepada Pihak Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi	84

5.2.3	Implikasi Kepada Ibubapa	85
5.2.4	Implikasi Kepada Pengkaji Masa Hadapan	86
5.3	Cadangan	86
<b>RUJUKAN</b>		<b>88</b>

## SENARAI JADUAL

<b>JADUAL</b>		<b>Muka Surat</b>
1.1	Evolusi Keusahawanan	5
4.1	Institusi-Institusi Kemahiran Yang Terlibat	44
4.2	Maklumat Sosio Ekonomi Responden	46
4.3	Maklumat Akademik Responden	48
4.4	Maklumat Ibubapa/ Penjaga Responden	50
4.5	Kategori Pendapatan Isirumah Responden	51
4.6	Amalan Terhadap Kerjaya Keusahawanan	53
4.7	Kategori Terhadap Amalan Keusahawanan Mengikut Institusi	56
4.8	Minat Terhadap Kerjaya Keusahawanan	58
4.9	Kategori Minat Terhadap Kerjaya Keusahawanan Mengikut Institusi	60
4.10	Sikap Terhadap Kerjaya Keusahawanan	62
4.11	Kategori Sikap Terhadap Kerjaya Keusahawanan Mengikut Institusi	63
4.12	Faktor-Faktor Penolakan Kerjaya Keusahawanan	66
4.13	Faktor-Faktor Pemilihan Kerjaya Sebagai Usahawan	70
4.14	Profil Personaliti Responden	74
4.15	Tabuaran Jenis Personaliti Mengikut Institusi	75
4.16	Ranking Skor Personaliti Responden	76
4.17	Skor Min Personaliti Mengikut Institusi	77
4.18	Ujian ANOVA (Perbezaan Personaliti Mengikut Institusi)	77
4.19	Ujian Korelasi (Perkaitan Personaliti Dengan Amalan, Minat dan Sikap)	78
4.20	Aspirasi Kerjaya Keusahawanan Responden	79

## **SENARAI RAJAH**

### **RAJAH**

### **Muka Surat**

1.1	Kerangka Konseptual Aspirasi Kerjaya	12
2.1	Model Kerjaya Pendekatan Sosiologi	30
2.2	Model Pembangunan Usahawan " <i>The Sector</i> "	32
2.3	Model Pendidikan Keusahawanan <i>Miller</i>	35



## SENARAI GAMBAR

GAMBAR		Muka Surat
1.1	Usahawan Yang Berjaya Perlu Mempunyai Ilmu Pengetahuan Dan Kemahiran Untuk Membangunkan Perniagaan Mereka	4
2.1	Program-Program Pembangunan Usahawan Perlu Bermula Di Peringkat Awal Pendidikan Formal	31
2.2	ISMA <i>Entrepreneurship</i> Program (IEP) Dan Kursus Usahawan Anjuran Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Adalah Contoh Program Pendidikan Keusahawanan Yang Bermatlamat Melahirkan Usahawan-Usahawan Di Dalam Pelbagai Sektor Ekonomi.	39
3.1	Logo Institusi-Institusi Yang Terlibat Dalam Kajian	40
4.1	Pintu Masuk Ke IKBN Jitra, Kedah	45
4.2	Kemahiran ICT Penting Dalam Era Globalisasi	51
4.3	Minat Yang Mendalam Terhadap Kerja Dan Latihan Yang Terima Dapat Meningkatkan Kemahiran Teknikal Pelajar	57
4.4	Komitmen Dan Tumpuan Semasa Membuat Kerja Akan Menghasilkan Produk Yang Berkualiti	60
4.5	Antara Tokoh-Tokoh Usahawan Yang Berjaya	79
5.1	Program-Program Keusahawanan Di Peringkat Kebangsaan Yang Telah Dilaksanakan Oleh Kerajaan	85

## ASPIRASI KEUSAHAWANAN BELIA TERHADAP MEMUPUK BUDAYA KEUSAHAWANAN KE ARAH MENUJU PENCAPAIAN WAWASAN 2020

### Abstrak

Aspirasi keusahawanan belia terhadap pemupukan budaya keusahawanan ini diteliti untuk memastikan mereka dapat mencapai tahap kehidupan yang diperlukan. Sebanyak tiga institusi yang berkaitan dengan latihan belia terlibat dalam kajian ini. Tiga institusi tersebut adalah Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Giat MARA. Seramai 931 pelajar terlibat dalam kajian ini. Mereka ini terdiri daripada lelaki (71.4%) dan wanita (28.6%). Daripada segi etnik, majoriti pelajar adalah Melayu (88.1%), Cina (10.2%) dan; India dan lain-lain (1.8%). Kajian ini bermatlamat untuk mengenal pasti aspirasi kerjaya dalam kalangan pelajar-pelajar di IKBN, ILP dan Giat MARA dalam bidang keusahawanan selepas tamat pengajian malah sikap, amalan dan minat terhadap kerjaya keusahawanan juga diambil kira. Inventori minat terhadap kerjaya keusahawanan ini diteliti untuk memastikan kesukaan, kecekapan dan nama pekerjaan yang dapat memupuk aspirasi keusahawanan belia terhadap budaya keusahawanan. Kajian terhadap amalan terhadap kerjaya keusahawanan dalam kalangan belia menunjukkan pelajar dari IKBN (62.1%), pelajar dari ILP (69.2%) dan pelajar dari Giat MARA (68.9%) mempunyai amalan yang tinggi terhadap kerjaya keusahawanan. Pelajar dari IKBN dan ILP menunjukkan minat yang sederhana seramai 56.6 peratus pelajar dan 49.8 peratus pelajar manakala pelajar dari Giat MARA menunjukkan minat yang tinggi terhadap kerjaya keusahawanan ini iaitu seramai 54.4 peratus. Dari segi sikap pula, dapatan kajian mendapati majoriti responden dari Giat MARA dan ILP menunjukkan sikap yang tinggi terhadap kerjaya keusahawanan masing-masing sebanyak 61.8 peratus dan 60.3 peratus manakala pelajar dari IKBN memiliki sikap yang sederhana terhadap kerjaya keusahawanan sebanyak 50.2 peratus. Secara kesimpulannya, pelajar dari ILP (53.6%) menunjukkan minat yang tinggi untuk menjadi sepelajar usahawan berbanding dengan pelajar dari Giat MARA (55.0%) dan IKBN (52.9%). Analisis maklumat bagi inventori minat kerjaya adalah berdasarkan Teori *Holland* iaitu menggunakan Konsep Hexagonal bagi menerangkan hubungkait enam personaliti ini dan menggunakan tiga skor tinggi bagi memerihalkan personaliti responden. Teori ini juga menghubungkan personaliti dengan persekitaran. Terdapat enam jenis personaliti yang membentuk tipologi *Holland* iaitu, Realistik (R), Investigatif (I), Artistik (A), Sosial (S), *Enterprising* (E) dan *Conventional* (C). Jumlah pelajar yang mempunyai personaliti investigatif adalah seramai 317 pelajar (34%), personaliti artistik seramai 292 pelajar (31.4%), personaliti realistik seramai 170 pelajar (18.3%), personaliti *conventional* seramai 77 pelajar (8.3%), personaliti *enterprising* seramai 65 pelajar (7%) dan personaliti sosial seramai seramai 10 pelajar (1.1%). Secara amnya pelajar IKBN menunjukkan tipologi Holland sebagai I-A-R (Investigatif-Artistik-Realistik), pelajar ILP menunjukkan tipologi Holland sebagai A-I-R (Artistik-Investigatif-Realistik) dan pelajar Giat MARA menunjukkan tipologi Holland sebagai I-A-E (Investigatif-Artistik-*Enterprising*). Dapatan kajian menunjukkan semua pelajar dalam ketiga-tiga institusi mempunyai personaliti sosial yang rendah. Selain dari itu, pelajar Giat MARA menunjukkan tret personaliti tertinggi dari segi investigatif, artistik, sosial, *enterprising* dan *conventional*. Manakala IKBN menunjukkan tret tertinggi dari sudut realistik. Dalam erti kata lain sikap, amalan dan minat dalam kerjaya keusahawanan juga memainkan peranan yang penting dalam pembentukan usahawan dari golongan belia pada masa kini.

## **ENTREPRENEURSHIP ASPIRATION AMONG YOUTH IN CULTIVATING ENTREPRENEUR'S CULTURE TOWARDS THE ACHIEVEMENT OF VISION 2020.**

### *Abstract*

Entrepreneurship is a unique contribution to industrialization as well as to the economic growth; they improve living standards and tax revenues from their enterprise which contribute to nation's treasury. This paper offers to the existing literature by focusing on the dynamics of few sources which reflects youth's behavior in the aspects of knowledge, attitude, practices, individuality and experience. One purpose of the present research was that of determining whether these effects also occur for entrepreneurs. Specifically, we sought to determine whether entrepreneurs who are physically attractive gain an important advantage in their efforts to start and run new businesses among youth in Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Giat MARA. In order to investigate the possible impact of entrepreneurs' attractiveness on perceptions of them, perceptions of their ideas, and entrepreneurs' actual success, we conducted three related studies. Before turning to detailed description of the specific studies performed, however, it is important to clarify that 931 students were involved in this study, 71.4 percent of them are male and 28.6 percent are female. Despite this, majority of 88.1 percent are Malay students with the minority of 10.2 percent of Chinese students and 1.8 percent of Indian students and others. Inventory of interest towards entrepreneurship among students is investigated through their interest, job specification and capability. Research regarding practices about entrepreneurship as a career among student's shows 62.1 percent was from IKBN, ILP (69.2%) and students from Giat MARA (68.9%) practices career as an entrepreneur. Students from IKBN (56.6%) and ILP (49.8%) show the average interest on entrepreneurship but the student from Giat MARA (50.2%) shows the minimum interest about it. Moreover, analysis on career inventory is based on Holland Theory (Heksagonal Concept) which indicates the relationship of six personalities and use three main traits to describe the students personality. This theory also determines the relationship of the surroundings and personality. Ideal individual will find a specific job which is related to their interest, external factors and personality. There are six Holland Typology which is related to the personality such as, Realistic (R), Investigative (I), Artistic (A), Social (S), Enterprising (I) dan Conventional (C). Total of 317 (34%) students are under investigative personality, 292 (31.4%) are artistic personality, 170 (18.3%) students with realistic personality, 77 (8.3%) with conventional personality, 65 (7%) with enterprising personality and 10 (1.1%) personality with social personality. Basically, according to Holland Typology students from IKBN shows the I-A-R (Investigative-Artistic-Realistik) and besides than that ILP as A-I-R (Artistic-Investigative-Realistik) moreover students from Giat MARA as I-A-E (Investigative-Artistic-*Enterprising*). From the research above, the three institutes have the lowest personality on social characteristic. Overall students from the Giat MARA indicates the highest personality on Investigative (I), Artistic (A), Social (S), Enterprising (I) dan Conventional (C). While, IKBN students shows the highest trait in Realistic (R) personality. Besides than this, attitude, interest and practices is another important option of being an entrepreneur among youth.

## **Ringkasan Eksekutif**

### **Pengenalan**

Keusahawanan merupakan satu bentuk disiplin yang menjadi tonggak kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Daripada aktiviti keusahawanan yang dijalankan akan membolehkan kita menentukan dan mengetahui tahap-tahap kemajuan yang telah dicapai oleh sesuatu masyarakat dan negara (Ab Aziz, 2003).

Keusahawanan ialah satu proses menjalankan perniagaan sendiri (Greene, 2000). Konsep keusahawanan hanya popular dalam kalangan masyarakat Malaysia pada pertengahan tahun 1970-an. Konsep ini mula timbul dalam konteks penggubalan dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975), yang bertujuan menyusun semula masyarakat dengan mewujudkan sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Salah satu langkah yang boleh dilaksanakan ialah menambah golongan usahawan yang berjaya, iaitu dengan mewujudkan seberapa ramai usahawan yang melibatkan diri secara langsung dan aktif dalam menguruskan perniagaan sendiri serta mempunyai daya tahan dan daya saing (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1995).

Jika dilihat pada hari ini, minat untuk menjadi usahawan bukan lagi merupakan sesuatu yang asing dalam kalangan mahasiswa di institut pengajian tinggi jika dibandingkan dengan mahasiswa-mahasiswa pada tahun 60-an dan 70-an dahulu. Pada hari ini, perkembangan yang pesat dalam pertumbuhan ekonomi negara ekoran daripada penglibatan masyarakat dalam bidang perniagaan.

Namun usaha ke arah pembentukan generasi yang membudayakan semangat keusahawanan ini adalah sesuatu yang amat dinantikan. Kita tidak boleh hanya mengharapkan minat dalam kalangan masyarakat terhadap bidang ini datang dengan sendirinya tetapi ianya perlulah disertakan dengan dorongan dan sokongan sebagai perangsang dan juga pembakar semangat untuk terus maju dan berjaya dalam bidang ini.

Sehubungan dengan itu, Zaidatol dan Habibah (1997) menyarankan latihan keusahawanan perlu diperbanyakkan di mana semua individu yang telah mempunyai pendidikan asas dalam bidang yang khusus boleh dikembangkan potensinya untuk bekerja sendiri melalui latihan keusahawanan ini. Latihan ini perlu kerana terdapat hubungan yang positif antara pendidikan keusahawanan dengan kejayaan usahawan.

Di pusat-pusat pengajian di seluruh dunia, keusahawanan diperkenalkan sebagai satu disiplin dan pembangunan keusahawanan menjadi satu trend. Di Malaysia, Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia di Universiti Institut Teknologi MARA (MEDEC-UITM) mempelopori usaha memperkenalkan keusahawanan sebagai suatu pengajian iaitu sejak ditubuhkan pada tahun 1975 sebagaimana diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga (1976 hingga 1980). Selain itu, pada tahun 1995, Kementerian Pembangunan Usahawan ditubuhkan untuk membangunkan keusahawanan dalam kalangan murid, pelajar institut pengajian tinggi dan anggota masyarakat keseluruhannya

Dalam konteks pendidikan, pendidikan keusahawanan merupakan langkah utama untuk menanamkan kecenderungan pelajar terhadap keusahawanan. Sesetengah institusi-institusi pengajian tinggi tidak memberikan penekanan dalam usaha untuk menanamkan kecenderungan usahawan kepada pelajar. Manakala Zaidatol Akmaliah (1997), menyarankan kurikulum pendidikan yang berhubung kait dengan komponen usahawan perlu diberi penekanan dalam usaha mendedahkan serta menanam kecenderungan keusahawanan kepada pelajar. Kurikulum dan program-program yang berkait rapat dengan pembentukan kecenderungan keusahawanan perlu dilaksanakan untuk menjayakan matlamat pembudayaan keusahawanan dalam kalangan pelajar.

Kegagalan pelaksanaan ini pasti akan mengundang pelbagai persoalan isu seperti “sejauh manakah keberkesanan program dan latihan yang ditawarkan di institut-institut latihan belia seperti Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Institut Giat MARA (Giat MARA) membentuk dan memupuk pelajar-pelajarnya ke arah ciri-ciri keusahawanan khasnya dalam amalan, minat dan sikap terhadap kerjaya keusahawanan ini”. Penglibatan para pelajar yang tidak menyeluruh di mana ianya hanya dijalankan di institut-institut yang terpilih sahaja menyebabkan aspirasi untuk memilih kerjaya usahawan ini agak

rendah. Sambutan mahasiswa yang kurang dalam bidang keusahawanan ini juga disebabkan oleh faktor keyakinan serta tidak bersedia untuk menghadapi risiko kegagalan walaupun terlibat dalam program dan latihan yang disediakan oleh institut.

Kajian ini dijalankan untuk melihat aspirasi keusahawanan dalam kalangan mahasiswa yang dipilih menjadi responden. Ini adalah kerana aspirasi merupakan sesuatu perkara penting yang mempunyai hubungan dengan mahasiswa dan pendidikan. Mahasiswa adalah generasi yang akan menjadi tenaga, sumber dan modal insan bagi pembangunan negara pada masa akan datang.

Kajian ini juga diharap dapat memberi kesedaran kepada ibubapa tentang betapa pentingnya peranan dan keprihatinan mereka terhadap potensi dan aspirasi keusahawanan anak-anak mereka. Sehubungan dengan itu, mereka dapat membantu usaha kerajaan untuk melahirkan usahawan pelapis seiring dengan matlamat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020.

## **Methodologi**

Sampel untuk kajian ini adalah seramai 931 orang iaitu seramai 327 dari IKBN, 295 dari ILP, dan 309 dari Giat MARA. . Kajian ini dijalankan di IKBN (Institut Kemahiran Belia Negara) di Jitra, Bachok, Pagoh dan Sepang; ILP (Institut Latihan Perindustrian) di Jitra, Pangkalan Chepa, Batu Pahat dan Kuala Langat; dan Giat MARA di Jitra, Kota Bahru, Nilam Puri, Muar, Batu Pahat, Sepang, Banting dan Puchong. Ciri pemilihan sampel ini adalah dari pelbagai etnik, program, tahun pengajian serta melibatkan kedua-dua jantina iaitu lelaki dan perempuan. Kaedah persampelan dalam kajian ini adalah persampelan bertujuan.

Pengumpulan maklumat menggunakan borang soal selidik dalam Bahasa Malayu. Responden dikehendaki untuk menjawab sendiri borang soal selidik yang diberikan. Responden diberi masa 30-45 minit untuk menjawab kesemua soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik.

Bagi mengukur angkuh-angkuh yang dikaji, satu skala Likert telah dibentuk sendiri. Lima kategori diberi berdasarkan skor (1=Sangat Tidak Setuju, 2=Tidak Setuju, 3=Kurang Setuju, 4=Setuju dan 5=Sangat Setuju) bagi mengukur amalan, sikap dan minat terhadap kerjaya keusahawanan. Manakala skor 1 hingga 10 (Tidak mempengaruhi kepada sangat mempengaruhi) diberikan kepada faktor-faktor pemilihan dan penolakan kerjaya sebagai usahawan. Bagi inventori minat kerjaya pula, responden hanya perlu menandakan (√) pada ruang (Y=suka atau rasa suka melakukannya, T=tidak suka dibuat) untuk kategori kesukaan, (Y=tahu atau rasa boleh mempelajarinya, T=tidak boleh mempelajarinya) untuk kategori kecekapan dan (Y=berminat, T=tidak berminat) bagi kategori nama pekerjaan. Bagi aspirasi masa depan pula, mahasiswa hanya perlu menyatakan bahawa mereka bercadang menceburi bidang keusahawanan selepas tamat pengajian dalam skor (ya, tidak pasti dan tidak).

Secara umumnya borang soal selidik ini dibahagikan kepada 10 bahagian iaitu:

- 1) Bahagian A: Maklumat demografi responden
- 2) Bahagian B: Amalan terhadap kerjaya keusahawanan
- 3) Bahagian C: Sikap terhadap kerjaya keusahawanan
- 4) Bahagian D: Minat terhadap kerjaya keusahawanan
- 5) Bahagian E: Faktor-faktor pemilihan kerjaya sebagai usahawan
- 6) Bahagian F: Faktor-faktor penolakan kerjaya sebagai usahawan
- 7) Bahagian G: Inventori Minat kerjaya-kesukaan
- 8) Bahagian H: Inventori Minat kerjaya-kecekapan
- 9) Bahagian I: Inventori Minat kerjaya-nama pekerjaan
- 10) Bahagian J: Aspirasi masa hadapan

Semua data yang telah dikod dan diproses dengan menggunakan komputer melalui *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Jenis analisis yang terlibat ialah:

1. Analisis Deskriptif
2. Ujian-T
3. Ujian ANOVA



## Hasil Kajian

Seramai 931 responden dikenalpasti dan sebanyak tiga agensi yang berkaitan dengan latihan belia terlibat dalam kajian ini. Tiga agensi tersebut adalah Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Giat MARA.

### Institusi-Institusi Kemahiran Yang Terlibat

<b>Institusi</b>	<b>N</b>	<b>(%)</b>
IKBN Jitra	84	(9.0)
IKBN Bachok	80	(8.6)
IKBN Pagoh	58	(6.2)
IKBN Sepang	105	(11.3)
ILP Jitra	80	(8.6)
ILP Pangkalan Chepa	62	(6.7)
ILP ADTEC Batu Pahat	87	(9.3)
ILP Kuala Langat	66	(7.1)
Giat Mara Jitra	53	(5.7)
Giat Mara Kota Bharu	54	(5.8)
Giat Mara Nilam Puri	57	(6.1)
Giat Mara Muar	18	(1.9)
Giat Mara Batu Pahat	43	(4.6)
Giat Mara Sepang	12	(1.3)
Giat Mara Banting	39	(4.2)
Giat Mara Puchong	33	(3.5)
<b>Jumlah</b>	<b>931</b>	<b>(100.0)</b>

Responden kajian ini terdiri daripada 71.4 peratus adalah lelaki dan 28.6 peratus pula perempuan. Daripada segi etnik, majoriti responden adalah Melayu (88.1%), 10.2 peratus Cina dan 1.8 peratus India dan lain-lain. Daripada segi umur, hampir separuh (47.2%) berumur kurang daripada 20 tahun, 50.9 peratus berumur di antara 20 hingga 25 tahun dan 1.9 peratus berumur 26 tahun dan ke atas. Jika dilihat daripada segi tempat tinggal, seramai 57.6 peratus tinggal di luar bandar dan 42.4 peratus tinggal di bandar. Negeri asal responden ditunjukkan dalam Jadual 4.2 iaitu paling ramai responden berasal dari Kelantan (30.5%), diikuti dengan Kedah dan Johor

(masing-masing 14.1%) manakala Perlis (1.1%), Sarawak (1.1%) dan Sabah (1.0%) mencatatkan negeri asal yang terendah iaitu satu peratus sahaja bagi setiap negeri.

Daripada segi kelayakan akademik, majoriti responden (78.6%) adalah berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), diikuti dengan 15.5 peratus memiliki sijil dan hanya 4.4 peratus berkelulusan Peperiksaan Menengah Rendah (PMR). Program yang diikuti oleh responden dikategorikan kepada tujuh kumpulan. Paling ramai responden (42.8%) mengikuti program kejuruteraan elektrik, diikuti dengan kenderaan dan jentera (17.4%), komputer dan elektronik (16.0%), serta jahitan dan seni (10.7%). Mereka ini berada dalam tahun 1 (78.1%), tahun 2 (15.8%) dan tahun 3 (6.1%).

Dari segi amalan terhadap kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar di IKBN (Institut Kemahiran Belia Negara), ILP (Institut Latihan Perindustrian) dan Giat MARA. Didapati bahawa pelajar di ketiga-tiga institusi ini bersedia untuk memperbaiki kelemahan dan kekurangan diri sendiri untuk mencapai matlamat yang ditetapkan kerana ia menunjukkan purata min tertinggi iaitu IKBN (min=4.40), ILP (min=4.41) dan Giat MARA (min=4.41). Ini bermakna majoriti pelajar mempunyai amalan yang positif terhadap kerjaya keusahawanan. Ini mungkin disebabkan oleh individu itu sendiri yang inginkan kejayaan supaya dapat meningkat ke tahap yang lebih baik. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan amalan terhadap kerjaya keusahawanan ini tinggi dalam kalangan pelajar di ketiga-tiga institut belia ini dan ILP (69.2%) menunjukkan minat yang paling tinggi berbanding dengan Giat MARA (68.9%) dan IKBN (62.1%). Amalan positif dalam budaya keusahawanan yang ditunjukkan oleh mahasiswa diharap mampu menjana ekonomi negara yang semakin mencabar pada masa akan datang apabila mereka menyertai dunia keusahawanan kelak.

Manakala dari segi minat terhadap kerjaya keusahawanan dan majoriti pelajar memberikan pendapat yang sama tetapi keutamaan minat yang diberi oleh pelajar Giat MARA agak berbeza. Pelajar IKBN dan ILP menunjukkan skor minat yang paling tinggi untuk mendalami ilmu yang baru, kemahiran dan teknologi terkini dengan skor min masing-masing 4.30 dan 4.33. Majoriti juga bersetuju bahawa dengan menghadiri kursus yang berkaitan sebagai cara mencapai kejayaan (IKBN=4.27, ILP=4.30) dan berminat untuk menjadi usahawan satu hari nanti adalah

(IKBN=4.19, ILP=4.21). Kesimpulan dari dapatan kajian menunjukkan kategori minat terhadap kerjaya keusahawanan. Responden dari IKBN dan ILP menunjukkan minat yang sederhana sebanyak 56.6 peratus dan 49.8 peratus manakala pelajar dari Giat MARA menunjukkan minat yang tinggi (54.4%) terhadap kerjaya keusahawanan ini. Ini mungkin disebabkan oleh kecenderungan pelajar Giat MARA yang suka melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan, perniagaan atau apa jua bentuk aktiviti yang mengarah kepada bidang tersebut.

Seterusnya dapatan kajian bagi sikap terhadap kerjaya keusahawanan dan didapati majoriti pelajar dari ketiga-tiga institut ini merasakan seseorang usahawan adalah penting dalam pembangunan ekonomi negara dengan skor min masing-masing (IKBN=4.37), (ILP=4.38) dan (Giat MARA=4.32). Malah mereka juga mempunyai pendapat yang sama iaitu perlu menjadi orang yang pakar dalam aktiviti yang diceburi dengan skor min masing-masing (IKBN=4.24), (ILP=4.30) dan (Giat MARA=4.30). Kesimpulannya dapatan kajian menunjukkan majoriti pelajar dari Giat MARA dan ILP menunjukkan sikap yang tinggi terhadap kerjaya keusahawanan masing-masing sebanyak 61.8 peratus dan 60.3 peratus manakala pelajar dari IKBN memiliki sikap yang sederhana terhadap kerjaya keusahawanan sebanyak 50.2 peratus. Kemungkinan besar, sikap ini bergantung mengikut pengalaman seseorang pelajar yang boleh mempengaruhi individu terhadap semua objek dan situasi yang mana pelajar ingin memberi komitmen yang tinggi ataupun tidak.

Akhir sekali, dapatan kajian mengenai aspirasi keusahawanan dan didapati majoriti responden berpendapat bahawa mereka bercadang untuk meceburi bidang keusahawanan. Data kajian menunjukkan pelajar dari Giat Mara (55.0%) menunjukkan minat yang tinggi berbanding dengan pelajar dari ILP (53.6%) dan IKBN (52.9%). Ini mungkin kerana majoriti pelajar mempunyai sikap yang positif terhadap kerjaya keusahawanan hasil daripada program dan latihan yang mereka terima semasa di Giat MARA dan juga kemungkinan besar wujud kekangan untuk menceburi sektor pekerjaan formal disebabkan oleh latar belakang responden dan keluarga yang berpendidikan rendah. Keadaan ini menyebabkan keluarga responden memberi galakan untuk menceburi kearah aktiviti keusahawanan untuk meningkatkan taraf dan tahap hidup keluarga.

## **Cadangan**

Bagi mendapatkan hasil penyelidikan yang lebih baik, dicadangkan supaya para penyelidik pada masa hadapan dapat mengasingkan responden mengikut jantina, etnik dan program pengajian untuk meningkatkan lagi kualiti hasil kajian kelak. Selain itu, pengkaji pada masa hadapan dapat memperluaskan lagi pengambilan sampel kajian ke institusi-institusi yang lain. Perbezaan antara lokasi juga boleh menghasilkan dapatan yang berguna.

Kajian seterusnya boleh ditumpukan kepada perbezaan-perbezaan aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar institusi latihan di Malaysia dengan negara-negara lain. Ianya bertujuan untuk melihat aspirasi kerjaya dalam kalangan pelajar di Malaysia dengan pelajar negara lain bagi membandingkan faktor-faktor lain yang menarik minat pelajar untuk memilih kerjaya sebagai usahawan.

Selain itu, kajian juga boleh dilakukan dengan menggunakan teknik temubual dan borang soal selidik bagi memahami secara lebih mendalam lagi terhadap sikap, minat dan amalan kerjaya keusahawanan dan faktor-faktor penolakan dan pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar di institut latihan. Ini kerana secara temubual, pengkaji pada masa hadapan dapat memerhatikan cara gaya responden menjawab soalan dan maklumat jawapan yang diberikan adalah lebih tepat dan jitu.

Diharapkan juga pengkaji pada masa hadapan dapat menjalankan kajian yang lebih terperinci lagi untuk melihat angkubah-angkubah yang bersandar selain dari yang terdapat dalam kajian ini bagi tujuan pengenalpastian angkubah-angkubah lain yang dapat membantu dalam peningkatan aspirasi kerjaya keusahawanan pelajar-pelajar di Malaysia.

## **Implikasi**

Kajian ini memberikan implikasi yang baik dan berguna kepada beberapa pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam merangka dan melaksanakan program-program keusahawanan. Ia boleh dijadikan rujukan oleh pihak-pihak yang berperanan dalam merealisasikan aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan belia di Malaysia. Selain itu, kajian ini sesuai digunakan untuk membentuk modul-modul pengajaran dan latihan keusahawanan dalam kalangan belia pada masa akan datang. Pengukuran Inventori Minat Kerjaya juga boleh digunakan sebagai salah satu *tools* atau kaedah untuk menentukan kesesuaian bidang-bidang yang bakal diceburi atau diikuti oleh bakal-bakal usahawan.

1. Implikasi Kepada Pihak Institut Kemahiran Belia
2. Implikasi Kepada Pihak Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pendidikan Tinggi
3. Implikasi kepada Iubapa
4. Implikasi kepada pengkaji masa hadapan

Kajian ini dapat dijadikan rujukan oleh para pengkaji dalam membuat kajian seterusnya memandangkan kajian keusahawanan masih amat kurang dijalankan dikalangan penyelidik-penyelidik tempatan mahupun luar negara. Di Malaysia masih terdapat banyak institusi-institusi kerajaan dan bukan kerajaan yang menyediakan pelbagai program-program keusahawanan yang membuahkan hasil atau penemuan berkaitan kejayaan dan keberkesanan program-program tersebut masih belum dikaji secara saintifik melalui kajian kuantitatif mahupun kualitatif.

## RUJUKAN

- Ab Aziz, Y. (2003). *Prinsip Keusahawanan*. Petaling Jaya, Selangor: Prentice Hall.
- Adnan, A. (2002). *Usahawan dan Keusahawanan*. Shah Alam: MEDEC, Universiti Teknologi MARA.
- Ahmad (1976). *Melahirkan Usahawan Bumiputera*. Kuala Lumpur: Pusat Daya Pengeluaran Negara.
- Ahmad (1976). Perbandingan Pencapaian Kognitif, Afektif dan Kompetensi Pelajar Program Keusahawanan Remaja yang Berlainan Latar Belakang Keluarga, *Journal of Social Science and Humanities*. Vol 11 (1): ms 69-80.
- Ahmad Berek (1985). Occupational Aspiration Expectation Among High School Seniors. *Vocational Guidance Quarterly*.
- Aini Hayati. (2000). *Pengajian Perniagaan Kertas 2*. Kuala Lumpur: Longman.
- Amir, A. (1983). Remaja dan Dunia Pekerjaan. *Dewan Masyarakat*. Vol 21(12): ms 4-7.
- Anastasia. (1982). Entrepreneurial Discovery and the Competitive Market Process: An Austrian Approach. *Journal of Economic Literature*. Vol 35: ms 60-85.
- Badrul. (1996). Pengaruh Pendidikan Formal dan Non Formal Terhadap Prestasi Usahawan. *Tesis Sarjana*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Barjoiyai. (2000). Differences between Entrepreneurs and Managers in Large Organizations. *Journal of Business Venturing*. Vol 12.

- Berger dan Udell. (1995). Student Attitudes to Student Debt. *Small Business Economics*, Vol 23: ms 401-422.
- Bird. (1989). The Roman God Mercury: An Entrepreneurial Archetype. *Journal of Management Enquiry*. Vol 1 (3).
- Bogie. (1975). Occupational Aspiration Expectation Among High School Seniors. *Vocational Guidance Quarterly*.
- Carland. (1998). *Entrepreneurship: Ideas in Action*. US: Thomson Learning.
- Clegg dan Barrow. (1984). *Development: An Inquiry into Profits, Capital, Credit, Interest, and the Business Cycle*. Edisi Ke-2.
- Cooper. (1985). Entrepreneurship: Strategy a New Business. *Business Education Forum*. Vol 39 (7): ms 29-34.
- Crow, L. O. (1967). *Self-Psychology of Human Adjustment*. New York: Alfred A. Knopf.
- Din. (1992). Subjective Wellbeing; Three Decades of Progress. *Psychological Bulletin*. Vol 1254: ms 276-302.
- Evan. (1990). Some Empirical Aspects of Entrepreneurship. *American Economic Review*. Vol 79, No. 3: ms 519-535.
- Fagenson. (1993). *Journal of Multinational Financial Management*. Vol 9: ms 45-63.
- Haynes, G. W. (2001). The Difference in Financial Structure between Women and Men Owned Business. *Journal of Family and Economics*. Vol 21: ms 123-145.
- Gibb. (2000). Self-Employment and Job Creation. *Small Business Economics*. Vol 19:255-270.

Gould dan Kolb. (1990). *Educational Research: An Introduction*. New York: Longman.

Greene. (2000). The Power of Entrepreneurial Vision Vocational Education, *Educational Journal*. Vol 64 (8): ms 28-29.

Guilford, J.P. (1965). *Fundamental Statistics in Psychology and Education*. New York: McGraw-Hill.

Hall. (2004). Racial and Gender Discrimination in the Micro Firm Credit Market. *Small Business Economics*, Vol 21: ms 299-307.

Hill. (1988). *Entrepreneurship*. Edisi Ke-4. Boston. Irwin McGraw Hill.

Histrich dan Peter. (1998). *Essential of Entrepreneurship and Small Business Management*. (4th ed.). US: Prentice Hall.

Holland, J.L. (1985). *Making Vocational Choices: A Theory of Vocational Personalities and Work Environments*. Eaglewood Cliff, New Jersey: Prentice-Hall, Inc.

Human. (1992). *Journal of Multinational Financial Management*. Vol 9: ms 45-63.

Jaafar dan Nik Mu'tassim. (2002). Aplikasi Model Kolb dalam Program Keusahawanan Remaja. *Journal Teknologi*, Vol 38 (E), p49 – 64.

Jaafar dan Nik Mu'tassim (2002). Peranan Pendidikan dalam Pembangunan Usahawan Berkualiti. *Prosiding Pendidikan dan Pembangunan Manusia*. Bangi: Fakulti Pendidikan. UKM.

Johan. (2005). Workplace Financial Education Improves Personal Financial Wellness. *Financial Counseling and Planning*. Vol 10 (1): ms 79–88.



- Kamaruzzaman. (2002). *Jaringan Kerja: Usahawan & Penguatan Jaringan Rakan Niaga*. UUM.
- Kent. (1990). *Intergrating Entrepreneurship in the Secondary Curriculum: Economic and Other Courses*. *Entrepreneurship Education Connection*. Quorum Books.
- Kizner. (1979). *The New Rules: How to Succeed in Today's Post Corporate World*. New York: Free Press.
- Koski, Venegas dan Jackson. (1990). A Paradigm of Entrepreneurship: Entrepreneurial Management. *Strategic Management Journal*. Vol 11: ms 17-27.
- Kuratko dan Hodgets. (2004). *The Entrepreneur: Mainstream Views and Radical Critiques*. Edisi Ke-2. New York: Praeger.
- Livingstone dan Lunt. (1992). Predicting Personal Debt and Debt Repayment: Psychological, Social and Economic Determinants. *Journal of Economic Psychology*. Vol 13: ms 111–134.
- Mc Clelland. (1961). *The Achieving Society*. New Jersey: Van Nostrand Princeton.
- Miller. (1998). Does a Traditional Business Prepare Students for Career In Small Business: A Study of Perceived Differences. *The Entrepreneurial Executive*. Vol 2 (1): ms 40-44.
- Mohar (2001). Perceptions of Women and Men as Entrepreneurs: Evidence for Differential Effects of Attributional Augmenting. *Journal of Applied Psychology*. Vol 86: ms 923-929.
- Nor Aishah, B. (2002). *Asas Keusahawanan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.

- Nor Aishah, B. dan Faridah, K. (1998). *Status Kewujudan Elemen-Elemen Keusahawanan dalam Kurikulum Pendidikan Teknik, Vokasional dan Keusahawanan Tingkatan 5 di Sekolah-Sekolah Menengah*. Penyelidikan Laluan Pantas. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Asiah dan Siti Rohaya. (1998). Pengaruh Pendidikan Keusahawanan terhadap Prestasi Mahasiswa. *Tesis Sarjana*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Azizah, I. (2000). Aspirasi Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar-Pelajar Perempuan di Sekolah Menengah Tok Janggut, Pasir Putih, Kelantan: Satu Tinjauan. *Latihan Ilmiah*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Norhafiza. (2001). Keberkesanan Program Keusahawanan Remaja di Sekolah Menengah. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Plotkin. (1990). Entrepreneurship and Economic Development. *Journal of Evolutionary Economics*. Vol. 12 (1-2): ms. 83.
- Plotkin. (1990). Mental and Physical Health in Students: the Role of Economic Circumstances. *British Journal of Health Psychology*. Vol 5 (3): ms 289–297.
- Rashidah. (2000). Pelaksanaan Program Usahawan Muda ‘Tunas Bistari’ Anjuran IPPJ yang Dijalankan di Sekolah-Sekolah Menengah Negeri Johor. *Latihan Ilmiah*. UTM.
- Richard, C. (1975). *Counselling for Career Development*. Boston: Houghton Mufflin Co.
- Ronstant. (1984). *Entrepreneurship Text, Cases and Notes*. Massachusetts: Lord Publishing Co.
- Scanlon. (1987). The Determinants of Outstanding Balances among Credit Card Revolvers. *Financial Counseling and Planning*. Vol 12 (1): ms 67–77.

- Scarborough dan Zimmerman. (1998). The Cognitive Perspective: a Valuable Tool for Answering Entrepreneurship's Basic "Why?" Questions. *Journal of Business Venturing*. Vol 19: ms 221-240.
- Scott, Twomey dan Curran (2000). A Philosophy of Entrepreneurship Education. *Business Education Forum*. Vol 47 (3): ms 3-5.
- Sexton dan Kasarda. (1992). *The State of the Art of Entrepreneurship*. Boston: Kent Publishing Co.
- Shapiro dan Sokol. (1982). Clarifying the Entrepreneurial Orientation Construct and Linking it to Performance. *Academy of Management Review*. Vol 21 (1): ms 135-172.
- Sidek, M. N. (2002). *Perkembangan Kerjaya: Teori dan Praktis*, Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Siti Rohaya. (1998). *Keusahawanan*. Edisi Ke-2. Kuala Lumpur:DBP.
- Strong. (1954). *Entrepreneurship Strategies and Resources*. US: Austen Press.
- Suhaimi, M. (1991). Expert-Seeking Activity Framework. *Journal of Advancing Information and Management Studies*. Vol 1 (1): ms 63-73.
- Sukumaran. (1991), 'The Promise of Entrepreneurship as a Field of Research', *Academy of Management Review* 25 (1): 217-226.
- Widad. (1995). Entrepreneurship: The Reciprocal Benefits of Closer Conceptual Link. *Journal of Business Venturing*. Vol 19: ms 231-240.
- Widad. (1995). Mental and Physical Health in Students: The Role of Economic Circumstances. *British Journal of Health Psychology*. Vol 5 (3): ms 289–297.

- Wilenskey. (1990). *Entrepreneurship and Small Business in the United States: A Gallup Survey. Report on the Reviews on High School Students, the General Public and Small Business Owners and Managers.*
- Yaakub dan Shari. (1995). Penglibatan Pelajar dalam Pengurusan Koperasi Sekolah dan Kesannya terhadap Pembelajaran Perakaunan. *Jurnal Pendidikan UKM*. Vol 24: ms 103-113.
- Yep Putih. (1989). *Keusahawanan*. Edisi Ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zahari. (1998). Keupayaan Usahawan Bumiputera Melaksanakan Kemahiran Keusahawanan. *PERTANIKA, Journal of Social Science and Humanities*. Vol 12 (1): ms 61-70
- Zaidatul Akmaliah, L. P. (1993). Kemahiran Keusahawanan dalam Pendidikan Vokasional: Satu Jaminan Kerjaya. *Jurnal Pendidikan*. Vol 37 (78): ms 30-38.
- Zaidatul Akmaliah, L. P. dan Habibah, E. (1997). *Keusahawanan dan Motivasi diri*. Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Pertanian Malaysia.
- Zaidatul Akmaliah, L. P., Mohd Majid, K., Ab Rahim dan Genevieve, K. A. (1998). Entrepreneurial Aspirations of Secondary School Students Enrolled in Vocational and Technical Subjects. *UPM Research Report*. Vol 2: ms 349.
- Zakaria, A. R. (1998). Perlaksanaan Pendidikan Keusahawanan di Malaysia: Kesan ke Atas Aspirasi Keusahawanan Pelajar. *PERTANIKA, Journal of Social Science and Humanities*. Vol. 10 (1): ms 53-61.